BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN No : 06/05/66 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Selasa, 28 Jun 2005

Perkembangan Monetari dan Kewangan Mei 2005
Maklumat Utama Siaran Akhbar

Aktiviti pembiayaan sektor swasta kukuh pada bulan Mei

Pada bulan Mei, aktiviti pembiayaan sektor swasta adalah kukuh, disokong oleh permintaan yang mapan terhadap pembiayaan bank dan terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) yang lebih tinggi. Pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.5%. Dana yang lebih tinggi yang diperoleh dalam pasaran PDS terutamanya untuk membiayai aktiviti baru.

Jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan 8.6%. Yang penting, pemberian pinjaman bank kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus meningkat dengan kukuh, dengan pinjaman terkumpul PKS berkembang pada kadar tahunan 10.4%. Hasilnya, peratusan pinjaman terkumpul PKS kepada jumlah pinjaman perniagaan terkumpul terus meningkat kepada 41.3%.

Sementara itu, sistem perbankan kekal kukuh, dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) pada 13.3% dan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih pada 5.4% pada akhir bulan Mei 2005.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN No : 06/05/66 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Selasa, 28 Jun 2005

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN MEI 2005

Aktiviti pembiayaan sektor swasta kukuh pada bulan Mei

Dalam pasaran wang, purata berwajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil untuk mencatat purata sebanyak 2.70% pada bulan Mei, manakala dalam pasaran runcit, kadar pinjaman purata bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing lebih rendah pada 5.94% dan 8.57%.

Indeks Harga Pengguna meningkat 3.1% pada bulan Mei, mencerminkan kos pengangkutan yang lebih tinggi dan kenaikan harga runcit petrol dan diesel. Walau bagaimanapun, harga subkumpulan lain hanya mencatat peningkatan yang sedikit.

Permintaan dalam negeri yang mapan dan pertumbuhan pinjaman yang memberangsangkan dicerminkan oleh agregat monetari. Baki urus niaga, M1,

meningkat pada kadar tahunan yang mapan sebanyak 11.3%. Wang secara luas, M3, berkembang pada kadar tahunan 13.7%, disebabkan terutamanya oleh aliran masuk dana luar negeri dan tuntutan terhadap sektor swasta yang lebih tinggi.


Aktiviti pembiayaan menjadi kukuh pada bulan Mei, disokong oleh permintaan daripada sektor perniagaan dan isi rumah. Jumlah pembiayaan bersih (pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul) berkembang pada kadar tahunan 9.5% sementara jumlah pinjaman bank terkumpul meningkat 8.6%. Yang penting, pemberian pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkembang dengan kukuh, dengan pinjaman terkumpul kepada sektor ini mencatat kadar pertumbuhan tahunan 10.4%. Hasilnya, peratusan pinjaman terkumpul PKS kepada jumlah pinjaman perniagaan terkumpul terus meningkat kepada 41.3% pada akhir bulan Mei.

Dalam pasaran modal, dana bersih yang diperoleh adalah lebih tinggi sebanyak RM5.8 bilion. Ini mencerminkan jumlah dana yang lebih besar yang diperoleh sektor swasta daripada pasaran PDS. Perkembangan yang penting pada bulan Mei ialah terbitan bon Islam 5 tahun bernilai RM760 juta oleh International Bank for Reconstruction and Development, yang merupakan terbitan ketiga oleh sebuah supranasional dalam pasaran bon ringgit.


Sementara itu, sistem perbankan kekal kukuh, dengan RWCR pada 13.3% dan nisbah NPL bersih pada 5.4% pada akhir bulan Mei 2005.

Kadar faedah kekal stabil


Pada bulan Mei, operasi mudah tunai oleh Bank Negara Malaysia bertujuan untuk mengimbangi aliran masuk dana luar negeri dan mengekalkan kadar antara bank semalaman yang stabil. Pada tempoh 1 Mei – 27 Jun, purata berwajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat antara 2.67% - 2.73%, dengan berpurata pada 2.70%. Kadar pinjaman asas (BLR) purata bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah manakala kadar pinjaman purata (ALR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing lebih rendah pada 5.94% dan 8.57%. Dalam pasaran antara bank, kadar antara bank purata bagi tempoh pemegangan satu minggu hingga tiga bulan meningkat sedikit, mencerminkan jangkaan beberapa peserta pasaran bahawa kadar faedah akan meningkat pada masa depan.




Kadar antara bank semalaman stabil




Kadar antara bank yang lain lebih tinggi sedikit



Operasi mudah tunai pada bulan Mei sebahagian besar untuk mengimbangi operasi luaran bersih yang mengembang.




Nisbah pembiayaan-deposit menjadi sederhana kepada 83.9%



ALR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan lebih rendah pada bulan Mei


Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Apr 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
Mei 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
24 Jun 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70

Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah


Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Syarikat Kewangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Apr 05	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70
Mei 05	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70
24 Jun 05	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70

Kadar deposit tetap syarikat kewangan kekal tidak berubah


Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3 Bulan




Kadar benar deposit tetap 3 bulan berubah menjadi negatif

Prestasi ringgit

Pada tempoh 1 Mei – 27 Jun, ringgit bertambah nilai selaras dengan dolar AS. Dolar AS bertambah nilai berbanding dengan mata wang utama berikutan jangkaan bahawa kadar faedah AS akan terus meningkat, pembezaan kadar hasil yang memihak kepada dolar AS dan jangkaan yang berterusan bahawa pertumbuhan ekonomi di AS akan mengatasi pertumbuhan di kawasan Euro dan Jepun pada tahun 2005. Pada masa yang sama, euro menjadi lemah kerana kebimbangan terhadap integrasi ekonomi EU pada masa hadapan dan spekulasi terhadap kejatuhan dalam kadar faedah tanda aras. Ringgit bertambah nilai berbanding dengan mata wang utama dan serantau.






Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 04	Apr 05	Mei 05	27 Jun 05	Akhir Dis 04 - 27 Jun 05	Akhir Apr 05 - 27 Jun 05
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0
Euro	5.1729	4.9079	4.7112	4.6081	12.3	6.5
Paun sterling	7.3169	7.2542	6.8921	6.9303	5.6	4.7
100 yen Jepun	3.7026	3.5895	3.5164	3.4765	6.5	3.2
Dolar Singapura	2.3258	2.3071	2.2840	2.2689	2.5	1.7
100 baht Thailand	9.7636	9.5790	9.3862	9.2469	5.6	3.6
100 peso Filipina	6.7706	6.9817	6.9789	6.8413	-1.0	2.1
100 rupiah Indonesia	0.0408	0.0397	0.0400	0.0393	3.9	0.8
100 won Korea	0.3671	0.3785	0.3777	0.3752	-2.1	0.9

Inflasi meningkat pada bulan Mei


Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, meningkat kepada 3.1% pada bulan Mei (April: 2.7%). Inflasi yang lebih tinggi pada bulan ini berbanding dengan bulan April disebabkan terutamanya oleh kos pengangkutan yang lebih tinggi, berikutan semakan menaik tambang bas dan teksi, dan kenaikan harga runcit petrol dan diesel. Walau bagaimanapun, harga bagi subkumpulan lain hanya meningkat sedikit atau dengan kadar yang lebih perlahan.



Inflasi meningkat kepada 3.1% pada bulan Mei

Harga pengeluar meningkat

Pada asas tahunan, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat 7.9% pada bulan April (Mac: 7.2%), disebabkan kenaikan harga minyak mentah yang lebih daripada mengimbangi penurunan dalam harga getah dan minyak sawit mentah. Tidak termasuk harga komoditi, IHPR lebih tinggi sebanyak 2.8% (Mac: 2.6%).



Inflasi IHPR meningkat


Agregat monetari terus berkembang pada bulan Mei

Pada bulan Mei, baki urus niaga, yang diukur oleh M1, meningkat pada kadar tahunan 11.3% (April: 11.6%). Wang secara luas, M3, berkembang 13.7%, disokong oleh aliran masuk dana luar negeri yang berterusan dan tuntutan terhadap sektor swasta yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, impak pengembangan ini dikurangkan sedikit oleh penambahan deposit Kerajaan dengan Bank Negara Malaysia.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**Apr 05**	**Mei 05**	**Jan-Mei 05**
M3	68.0	0.2	8.7	35.3
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	38.1	1.4	-4.0	-11.6
Tuntutan ke atas sektor swasta	-9.7	-1.8	2.1	9.3
Pinjaman	*82.0*	*0.1*	*4.3*	*14.8*
Sekuriti	*90.0*	*-1.9*	*-2.2*	*-5.6*
Operasi luar negeri bersih *	-8.0	4.0	12.4	45.4
Pengaruh lain	-28.1	-3.3	-1.8	-7.6

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit sistem perbankan terus meningkat pada bulan Mei

Jumlah deposit meningkat sebanyak RM13.1 bilion atau pada kadar tahunan 15.4% pada bulan Mei (April: 13.1%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh simpanan deposit yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan tempatan dalam bentuk deposit tukaran asing, deposit tetap dan deposit Skim Perbankan Islam (SPI). Kebanyakan deposit tukaran asing merupakan penempatan deposit permintaan sementara oleh syarikat multinasional.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Feb 05	**Mac 05**	**Apr 05**	**Mei 05**
Kerajaan Persekutuan	198	83	-281	646
Kerajaan Negeri	610	-134	-7	55
Badan Berkanun [1]	-255	190	230	1,495
Institusi Kewangan	398	6,441	4,167	1,533
Perusahaan Perniagaan	1,653	10,367	-2,238	7,644
Individu	3,255	253	340	586
Lain-lain [2]	-479	709	-363	1,178
Jumlah	5,380	17,909	1,848	13,136

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)


	Perubahan pada tempoh			
	Feb 05	**Mac 05**	**Apr 05**	**Mei 05**
Deposit tetap	4,667	4,641	-808	3,703
NID	-1,262	8,958	4,686	728
Deposit permintaan	-1,125	-1,511	-1,096	420
Deposit tabungan	641	-504	-358	-195
Perjanjian beli balik (Repo)	2,588	4,110	1,043	138
Deposit mata wang asing	-304	909	-1,093	4,218
Deposit SPI	-33	864	-582	3,679
Lain-lain	208	442	56	445
Jumlah	5,380	17,909	1,848	13,136

Pembiayaan kepada sektor swasta kekal tinggi

Permintaan yang berterusan terhadap pembiayaan daripada sektor swasta adalah nyata pada bulan Mei. Secara keseluruhan, jumlah pembiayaan kasar sektor swasta oleh sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM47.6 bilion (April: RM 42.5 bilion) dan berkembang pada kadar tahunan 17.1% pada akhir bulan Mei (akhir bulan April: 2.8%). Ini disebabkan oleh pinjaman yang dikeluarkan dan terbitan

PDS kasar yang lebih tinggi pada tempoh tersebut. Pada asas bersih, jumlah pembiayaan sektor swasta (pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul) kekal mantap, meningkat pada kadar tahunan 9.5% pada akhir bulan Mei (akhir bulan April: 9.3%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan kasar sektor swasta kekal pada tahap tinggi

Penunjuk Pinjaman Bank


	RM bilion		Perubahan Tahunan (%)	
	Apr	Mei	Apr	Mei
Jumlah				
Permohonan pinjaman	27.6	27.3	13.6	26.1
Kelulusan pinjaman	14.4	16.6	-9.0	31.3
Pengeluaran pinjaman	40.4	43.4	3.2	13.1
Perubahan pinjaman terkumpul [1/]	0.3	4.9	8.8	8.6
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	14.8	14.9	12.8	30.9
Kelulusan pinjaman	6.5	8.0	-19.0	47.3
Pengeluaran pinjaman	27.2	29.4	1.6	11.6
Perubahan pinjaman terkumpul [1/]	-2.3	2.3	2.0	1.7
PKS				
Permohonan pinjaman	5.6	5.5	25.3	12.3
Kelulusan pinjaman	3.0	2.8	11.9	19.8
Pengeluaran pinjaman	8.6	8.9	10.3	8.1
Perubahan pinjaman terkumpul [1/]	-0.1	1.2	10.4	10.4
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	12.3	12.2	10.5	20.1
Kelulusan pinjaman	7.8	8.6	0.8	18.9
Pengeluaran pinjaman	11.5	11.7	9.5	15.4
Perubahan pinjaman terkumpul [1/]	2.9	3.1	15.3	15.4

[1/] Pertumbuhan tahunan bagi akhir tempoh


Pemberian pinjaman bank yang berterusan adalah nyata

Aktiviti pemberian pinjaman oleh sistem perbankan terus berada pada tahap yang tinggi dengan permintaan terhadap pembiayaan yang mapan daripada sektor perniagaan dan isi rumah. Secara keseluruhan, permohonan dan kelulusan pinjaman masing-masing meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi, iaitu 26.1% dan 31.3% pada akhir bulan Mei (akhir bulan April: 13.6% dan –9%). Begitu juga dengan pinjaman yang dikeluarkan kepada perusahaan perniagaan dan isi rumah yang meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi, masing-masing

sebanyak 11.6% dan 15.4% pada akhir bulan Mei (akhir bulan April: 1.6% dan 9.5%).



Pada bulan Mei, penunjuk pinjaman menunjukkan aktiviti pemberian pinjaman yang memberangsangkan




Pengeluaran pinjaman pada bulan Mei kekal meliputi kesemua sektor

Berikutan permintaan terhadap pembiayaan bank yang berterusan, pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.6% pada akhir bulan Mei (akhir bulan April: 8.8%). Pinjaman terkumpul perusahaan perniagaan kekal positif pada kadar pertumbuhan tahunan 1.7% pada akhir bulan Mei (akhir bulan April: 2%). Ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan dalam pinjaman terkumpul kepada PKS, yang meningkat 10.4% (akhir bulan April: 10.4%). Berikutan itu, pinjaman kepada PKS mencakupi bahagian jumlah pinjaman kepada sektor perniagaan yang lebih besar, iaitu sebanyak 41.3% (akhir tahun 2004: 40.3%). Sementara itu, pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah mencatat kadar pertumbuhan tahunan 15.4% pada akhir bulan Mei (akhir bulan April: 15.3%).

Jumlah dana yang lebih tinggi diperoleh daripada pasaran modal


Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi pada bulan Mei, berjumlah RM5.8 bilion, terutamanya mencerminkan dana yang diperoleh sektor swasta melalui terbitan hutang. Terbitan PDS yang baru berjumlah RM4 bilion, dengan kebanyakan daripadanya diterbitkan oleh syarikat dalam sektor utiliti untuk membiayai aktiviti baru. Pada bulan Mei, International Bank for Reconstruction and Development menerbitkan bon Islam 5 tahun bernilai RM760 juta, yang merupakan supranasional ketiga yang memperoleh dana daripada pasaran bon ringgit. Dalam pasaran ekuiti, jumlah yang lebih kecil, iaitu sebanyak RM217.5 juta telah diterbitkan, terutamanya melalui enam tawaran awam awal.



Dana yang diperoleh pada bulan Mei terutamanya melalui terbitan hutang oleh sektor swasta

KLCI meningkat berikutan sentimen pasaran yang bertambah baik pada bulan Jun

Pada bulan Mei, KLCI ditutup lebih rendah pada 860.73 mata (sejak akhir bulan April: -2.1%) memandangkan sentimen pasaran terjejas akibat turun naik dalam pasaran dan tekanan jualan yang berterusan atas beberapa saham yang mencecah had bawah. Permodalan pasaran merosot kepada RM665.8 bilion (sejak akhir bulan April: -3.4%). Urus niaga purata harian bagi bulan Mei meningkat kepada 377.8 juta unit (April: 341.8 juta unit).




KLCI bertambah baik pada tiga minggu pertama bulan Jun

Prestasi KLCI bertambah baik pada bulan Jun. Pada 27 Jun, KLCI ditutup lebih tinggi pada 891.23 mata (sejak akhir bulan Mei: 3.5%) dengan permodalan pasaran sebanyak RM691.6 bilion (sejak akhir bulan Mei: 3.9%). Aktiviti pasaran bertambah, dengan urus niaga purata harian berjumlah 547 juta unit.

Rizab antarabangsa terus kukuh

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat RM4.3 bilion (USD1.1 bilion) kepada RM284.6 bilion (USD74.9 bilion) pada 31 Mei 2005. Kenaikan dalam rizab pada bulan Mei disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan, aliran masuk pelaburan portfolio dan pengambilan pinjaman luar negeri oleh sektor swasta. Aliran keluar mencerminkan terutamanya pembayaran import barangan dan perkhidmatan serta penghantaran balik dividen. Rizab terus menjadi kukuh kepada RM285.6 bilion (USD75.2 bilion) pada 15 Jun 2005. Paras rizab tersebut memadai untuk membiayai 8.7 bulan import tertangguh dan ialah 7.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Sistem perbankan kekal kukuh


Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras sistem perbankan masing-masing bertambah baik sedikit kepada 13.3% dan 10.5%, disebabkan terutamanya oleh pengambilkiraan keuntungan yang diaudit sebagai modal oleh beberapa institusi perbankan. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan merosot kepada 7.2%, manakala bagi NPL berdasarkan klasifikasi 6 bulan, nisbah NPL bersih kekal tidak berubah pada 5.4% pada akhir bulan Mei 2005.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *


	Pada akhir tempoh								
	1999	2000	2001	2002	2003	Dis 04	Mac 05	Apr 05	Mei 05
Modal (%)									
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.3	10.9	10.4	10.5
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.3	13.8	13.2	13.3
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)									
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	6.9	7.5	6.8	5.8	5.4	5.4	5.4
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,630	27,007	27,190	27,242
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.

* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



RWCR meningkat kepada 13.3%



Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6 bulan) kekal pada 5.4%

Bank Negara Malaysia
28 Jun 2005

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Mac 05		Apr 05		Mei 05	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		50.6	7.5	51.4	8.0	50.8	9.3
M1		115.7	9.4	114.3	11.6	114.7	11.3
M2		552.6	25.7	552.5	24.7	561.0	26.5
M3		644.0	13.3	644.3	12.5	652.9	13.7
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		651.1	13.6	652.9	13.1	666.1	15.4
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		522.5	9.1	522.8	8.8	527.7	8.6
Nisbah pinjaman-deposit (%)		76.6		76.5		75.8	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		85.2		84.9		83.9	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		28.6	20.3	27.6	13.6	27.3	26.1
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		17.1	3.1	14.4	-9.0	16.6	31.3
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		47.7	12.1	40.4	3.2	43.4	13.1
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		41.1	0.4	40.7	4.4	39.5	14.1
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)		13.8		13.2		13.3	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		5.4		5.4		5.4	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM (bilion)		275.2		280.2		284.5	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)		72.4		73.7		74.9	
Bilangan bulan import tertangguh		8.5		8.6		8.6	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.70		2.70		2.70	
Antarabank:	Semalaman	2.72 [2.70]		2.67 [2.70]		2.69 [2.70]	
	Seminggu	2.75 [2.73]		2.72 [2.72]		2.72 [2.72]	
	1 bulan	2.77 [2.76]		2.79 [2.78]		2.81 [2.79]	
	3 bulan	2.82 [2.80]		2.80 [2.80]		2.80 [2.80]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.00	
	3 bulan	3.00		3.00		3.00	
BLR bank perdagangan		5.98		5.98		5.98	
ALR bank perdagangan		5.90		5.97		5.94	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		107.7	2.6	108.0	2.7	108.8	3.1
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		160.8	7.2	161.7	7.9	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Euro		4.9125		4.9079		4.7112	
Paun Sterling		7.1415		7.2542		6.8921	
100 Yen Jepun		3.5446		3.5895		3.5164	
Dolar Singapura		2.3034		2.3071		2.2840	
100 Baht Thailand		9.7013		9.5790		9.3862	
100 Peso Filipina		6.9381		6.9817		6.9789	
100 Rupiah Indonesia		0.0401		0.0397		0.0400	
100 Won Korea		0.3734		0.3785		0.3777	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	4.0		-2.9		2.1	
	swasta	1.3		1.3		3.7	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		871.4		879.0		860.7	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		694.9		689.0		665.8	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan ke atas deposit sistem perbankan.